

Kementerian Kerjaraya perjelas Klang sesak

KEMENTERIAN Kerjaraya merujuk aduan bertarikh 29 September bertajuk 'Projek tak siap punca kesesakan.' Untuk makluman, kesesakan di Persiaran Sultan Ibrahim, jalan utama menghubungkan Klang Utara dan Klang Selatan disebabkan pembinaan bermula Ogos 2007 hingga Disember 2009 yang tidak siap.

Lokasi aduan ialah di tapak projek menaik taraf Laluan Persekutuan 5 (Kapar-Klang) Fasa 3 diselia JKR Selangor. Jadual siap projek ini dilanjutkan atas sebab tertentu yang tidak dapat dielakkan.

Kesesakan di bandar Klang pada 17 hingga 29 22 September lalu adalah di luar jangka disebabkan Aidilfitri dan menjelang perayaan Deepavali, kebanyakan pengguna meletak kenderaan di kawasan larangan (terutama di bazar Ramadan).

Jalan di tapak bina berlubang menyebabkan pemandu memperlahankan kenderaan turut menyebabkan sesak. Kesesakan hanya pada waktu puncak iaitu dari jam 5 petang hingga 10 malam dan dikawal polis trafik.

Keadaan trafik di Klang agak terkawal dan berjalan lancar sejak pelaksanaan jalan sehala mulai 1 September lalu.

Isu meletak kenderaan di lorong Jalan Tengku Kelana sudah dibincangkan pada mesyuarat daerah. JKR Klang tidak pernah membenarkan meletak kenderaan kerana menyebabkan gangguan aliran trafik dari arah Bulatan 100 sehingga Bulatan 5. Perbincangan penyelarasan dan penambah baik dengan Majlis Perbandaran Klang dan polis trafik diadakan bagi mengatasi kesesakan.

Sementara isu perhentian Klang Sentral yang tidak beroperasi juga di luar bidang kuasa JKR. Kehadiran bas yang menyumbang kesesakan di Jalan Batu Tiga dan Jalan Pasar akan dirujuk kepada Majlis Perbandaran Klang.

MOHD RIZAL HASHIM,

Pegawai Perhubungan Awam Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Kerjaraya.